



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM EKO KOMUNITI DI PPR TAMAN SRI KERAMAT, PUTATAN SABAH



Pada 7 Disember 2019, berlangsungnya Majlis Pelancaran Program Eko Komuniti *#TrashtoCash* iaitu bertempat di PPR Taman Sri Keramat, Putatan, Sabah. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Turut hadir dalam majlis ini YB Tuan George Hiew Vun Zin, Pembantu Menteri, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP) serta Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar).

Program Eko Komuniti ini merupakan program siri yang keenam membawa pengisian yang sama seperti di kawasan-kawasan yang sebelumnya. Pengisian Program Eko Komuniti adalah dengan memberi tumpuan kepada beberapa aktiviti utama dan pada masa yang sama memberi ruang dan peluang kepada komuniti tempatan untuk melaksanakan program yang dirancang dan dilaksanakan oleh komuniti sendiri. Antara program-program utama di bawah Program Eko Komuniti adalah aktiviti *Plogging* (berjogging sejauh 3 KM sambil memungut sampah) dan aktiviti pelancaran Hero Eko Komuniti *#TrashtoCash* di mana beberapa orang akan dipilih oleh komuniti setempat yang beritndak untuk menguruskan pengasingan dan audit sampah di peringkat komuniti. Akhir sekali, aktiviti Audit Sampah iaitu sampah yang telah dipungut akan diasingkan dan ditukarkan kepada wang tunai untuk kegunaan komuniti.



Menerusi ucapan perasmian, Dato Sri Haji Mohammad bin Mentek menjelaskan Malaysia dianggarkan menjana sekurang-kurangnya 1.17 kilogram sisa makanan daripada setiap individu sehari. Peningkatan

penjanaan sisa ini akan menimbulkan isu kebersihan seperti pengurusan sampah yang tidak berkesan, tabiat membuang sampah merata-rata serta tahap kebersihan tandas dan premis makanan yang kurang memuaskan. Oleh itu, rakyat Malaysia harus sentiasa mengambil langkah yang terbaik bagi memastikan sisa makanan tidak dibuang dengan cara yang tidak betul.

Manakala dalam sidang media, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek turut menjelaskan perkara yang berkaitan Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu 14 lagi perumahan di bawah PPR di seluruh Malaysia pada tahun 2020. Manakala PPR di Sabah yang kini dalam pembinaan adalah PPR Gayong (500 unit), PPR di Keningau dan PPR di Ulu Pirasa, Kota Belud, kini hamper siap.



Seterusnya, beliau mengatakan lagi “jumlah keseluruhan PPR di Sabah kini adalah sebanyak 40 projek membabitkan 27, 099 unit iaitu 30 daripadanya projek yang sudah siap (20, 799 unit), tujuh projek dalam pembinaan (4,650 unit) dan tiga lagi projek dalam perancangan iaitu sebanyak 1,650 unit lagi.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat